

01/11/1999

Laporan Harian Metro jadi sasaran Pas

KOTA BHARU, Ahad - Akbar Harian Metro menjadi mangsa terbaru Pas yang disifatkannya sebagai akhbar 'kurang ajar' dan dikawal kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan, mendakwa Harian Metro yang dikeluarkan Berita Harian adalah akhbar dikawal kerajaan Umno dan BN.

Beliau menyifatkan akhbar Harian Metro sebagai kurang ajar dengan merujuk tajuk berita akhbar itu pada Ahad lepas bertajuk "Cikgu kurang ajar".

"Saya nak tunjuk pada malam ini bagaimana kurang ajarnya sebuah surat khabar yang dikawal Umno terhadap isu ini pada hari Ahad lepas.

"Surat khabar Metro yang dikeluarkan Berita Harian dikawal oleh kerajaan Umno/BN, muka depan yang tajuknya 'Cikgu kurang ajar'.

"Itu tajuk berita surat khabar Umno bahawa cikgu-cikgu di Malaysia ini semuanya kurang ajar kerana kononnya menghina pemimpin Umno dan juga Dr Mahathir (Perdana Menteri)," katanya pada ceramah Pas di pekan Kedai Ketereh, dekat sini, malam tadi.

Takiyuddin juga meminta Pengarah Pendidikan Kelantan, Mohamad Hassan agar meletakkan jawatan dan bertanding dalam pilihan raya kerana membuat kenyataan dalam akhbar mengenai guru terbabit dalam politik akan ditukar.

"Ini kata-kata Pengarah Pendidikan Kelantan yang juga menjadi alat kepada Dr Mahathir dan juga penyokong Umno.

"Kita nak bagi tahu pengarah ini supaya letak jawatan masuk politik bertanding dalam pilihan raya kalau nak main politik," katanya.

Beliau mendakwa kezaliman dan penyelewengan dilakukan pemimpin Umno sudah sampai ke kemuncaknya yang tidak boleh dimaafkan lagi seluruh rakyat sama rakyat biasa mahu pun kakitangan kerajaan.

Sehubungan itu, katanya kakitangan kerajaan diminta tidak terpengaruh dengan Belanjawan 2000 yang dibentangkan di Parlimen kelmarin (Jumaat) kerana ia belanjawan pilihan raya.

Katanya, kakitangan kerajaan tidak seharusnya mudah terpengaruh dengan belanjawan itu yang turut memberi kenaikan gaji 10 peratus.

Sebaliknya, katanya jika kerajaan BN tumbang, kerajaan Barisan Alternatif (dianggotai Pas, DAP, PRM) sedia menunaikan janji belanjawan pilihan raya itu.

"Kita nak beri jaminan kepada kakitangan kerajaan bahawa walaupun kakitangan kerajaan diberikan berbagai-bagai umpan dalam belanjawan yang dibentangkan kelmarin, percayalah kalau BN jatuh dalam pilihan raya ini maka segala janji belanjawan pilihan raya akan ditunaikan kerajaan Barisan Alternatif walaupun ini belanjawan kerajaan Umno/BN," katanya.

(END)